

U 8943 DEB
MAHATHIR - BAHASA

PULAU PINANG, 3 DIS (BERNAMA) -- PENGUSAHAAN BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA INGGERIS HENDAKLAH MENINGKAT BERSAMA-SAMA DAN BUKANNYA PENINGKATAN PENGUSAHAAN DALAM SESUATU BAHASA ITU AKAN MEMBANA KEPADA PENURUNAN PENGUSAHAAN BAHASA YANG SATU LAGI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MUHAMMAD HARI INI.

PENGUSAHAAN BAHASA KEDUA DAN SETERUSNYA TIDAK AKAN MENSURANSKAN SEMANGAT KEBANGSAAN, SEMANGAT MEMPERJUANGKAN KEDAULATAN BAHASA KEBANGSAAN, SEMANGAT MENGUASAI SATU BAHASA SEBAGAI TALI PERHUBUNGAN UNTUK SEMUA KAUM, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MEMEGASKAN HAL INI SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERMAKILAN BNI-TAHUNAN KE-11 KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMNB) DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI KGMNB BERHAD DI SINI.

+KITA DARIPADA SEMUA KAUM TELAH BERSAMA-SAMA BERJUANG MEMDAULATKAN BAHASA KEBANGSAAN DAN KEJAYAANNYA TIDAK BOLEH KITA MAFIKAN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGUSAHAAN DUA BAHASA ADALAH SATU KEPERLUAN PENTING DI ZAMAN MODERN INI KERANA ORANG YANG TERPELAJAR MESTILAH FASIH DALAM SEKURANG-KURANGNYA DUA BAHASA.

+TERJEMAHAN TIDAK DAPAT DIDUAT JIKA TIDAK ADA YANG FASIH DALAM DUA BAHASA DAN DEMAM ITU JUSA KITA TIDAK AKAN MENPELAJARI ILMU YANG DITERUKAI DALAM BAHASA LAIN,+ KATANYA. -- LAGI

1511MST 03 12 88

U 8947 DEB
MAHATHIR - BAHASA 2 PULAU PINANG

MASALAH BAKAL YANG TIDAK FASIH DALAM BAHASA INGGERIS BELUM LAGI KETARA TETAPI TANDA-TANDA PERKARA INI AKAN BERLAKU SUDAH PUN ADA, KATANYA.

PENGUSAHAAN BAHASA ASING ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA MENAMBAH ILMU DAN KEMAHAMI BAHASA INGGERIS ADALAH WAJIB KERANA BAHASA INI DISUNAKAN DENGAN LUAS SEKALI DI DUNIA.

+KITA MERILIH BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA BUKAN KERANA SENTIMEN ATAU PENGARUH PENJAJAH TETAPI ADALAH BAHASA YANG DIFAHAMI SELUASNYA DI DUNIA+, TEGAS BELIAU.

BASAIMANAPUN DALAM MENGUASAI BAHASA INGGERIS ATAU BAHASA SETERUSNYA BAHASA KEBANGSAAN JANGANLAH DIABAIKAN KERANA MEREKA YANG FASIH DALAM BAHASA ASING TETAPI TIDAK DALAM BAHASA MALAYSIA TIDAK AKAN MEMOLONG PERTUMBUHAN BAHASA KEBANGSAAN.

PENGUSAHAAN BAHASA KEBANGSAAN DI KALANGAN ANAK MUDA PELDASAI KAUM DI NEGARA INI ADALAH TINGGI DAN BOLEH DIBANGGAKAN KERANA BAHASA MALAYSIA SUDAH MENJADI LINGUA FRANCA YANG BERKESAN. -- LAGI

1513MST 03 12 88

U 8948 DES
MAHATHIR - BAHASA 3 PULAU PINANG

MENGENAI PELAJARAN SIVIK DI SEKOLAH, PERDANA MENTERI BERKATA
TEKANAN SERIUS HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADA SUBJEK INI YANG DIANGGAP
BEGITU PENTING.

SUBJEK INI HENDAKLAH DIADAKAN SECARA INFORMAL SEPANJANG MASA DI
DALAM DAN LUAR BILIK DARJAH SELAIN DARIPADA MEMPELAJARINYA SECARA
FORMAL, KATANYA.

+DI SINILAH KITA PERLUKAN PIMPINAN MELALUI TELADAN DAN GURU
HENDAKLAH MENUNJUKKAN TELADAN KEPADA MURID-MURID SEPANJANG MASA,+
KATA BELIAU.

MENGENAI DISIPLIN, DATUK SERI DE MAHATHIR BERKATA DISIPLIN
HENDAKLAH DIADAKAN SEJAK ANAL-ANAL LAGI KEPADA SEMUA MURID DALAM
DARJAH SUPAYA MASALAH INI DAPAT DIKURANGKAN.

MENYENTUH TENTANG JIJAT-CERMAT, BELIAU BERKATA AMALAN INI
MESTILAH DITERANGKAN KEPADA PARA MURID SUPAYA MEREKA AKAN BERJIJAT
CERMAT DAN NEGARA AKAN KEMPUNYAI PENDUDUK YANG TAHU BERSIKAP
DEMIKIAN.

NEGARA YANG KEMPUNYAI PENDUDUK YANG TIDAK TAHU BERJIJAT CERMAT
AKAN MENGHADAPI MASALAH SEPANJANG MASA.

PENBENTUKAN PERIBADI DEMIKIAN PERLU BUKAN SAHAJA BESI MENJAMIN
KEBAHASIAH MEREKA TETAPI JUGA INI PENTING DALAM NEGARA YANG SEDANG
MENDANGUN. -- BERNAMA
1517NST 03 12 88